



## GEREJA KRISTUS LIKAS

*Mengenal dan Memperkenalkan Kristus*

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Minggu 1 Sebelum Puasa - 15 Februari 2026

### Doa Hari Ini

Tuhan yang penuh belas kasihan, berilah pengampunan dan damai sejahtera kepada umat-Mu yang setia, supaya kami disucikan daripada segala dosa kami, dan melayani Engkau dengan fikiran yang tenteram, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 17:1-9

Bacaan Responsif - Keluaran 24:12-18



## YOHANES 11:25 - AKULAH KEBANGKITAN DAN HIDUP

Berdoalah bagi mereka yang memerlukan firman ini.

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/  
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

## 1. SELAMAT DATANG

- Salam mesra kami ucapkan kepada Canon Dr. Lin Khee Vun, pengetua, *Anglican Training Institute* (ATI); beserta pasukannya. Mereka akan memperkenalkan kita kepada pelayanan ATI.
- Kami juga menyambut seorang kanak-kanak yang dibaptis hari ini dalam Kebaktian Cina ke dalam keluarga gereja Kristian — Lenora Lee Ming Xi, anak perempuan Shao Chen dan Kimberly Lee.

## 2. KESYUKURAN TAHUN BARU CINA

17 Feb, Selasa ini, 8:00 pagi – **Kebaktian Kesyukuran Tahun Baru Cina**. Ini merupakan kesempatan untuk kita mengucap syukur atas kebaikan Tuhan; serta bertemu dengan rakan-rakan, beberapa di antaranya datang dari jauh untuk musim perayaan. Sarapan akan disediakan.

## 3. RABU ABU & PRA-PASKAH

18 Feb, Rabu ini, 7:30 malam – **Kebaktian Rabu Abu** (tiga bahasa). Semua dijemput hadir; termasuk mereka dari gereja lain. Salib palma dari tahun lepas akan dibakar dan abunya akan diletakkan di dahi para jemaah sebagai tanda pertobatan.

Ibadah ini menandai permulaan Puasa (*Lent*) — tempoh 40 hari yang menekankan refleksi, pertobatan, dan pembaharuan. Latihan rohani meliputi:

- Doa Tengah Hari – Isnin–Jumaat, 12:00 pm–12:30 pm. Hibrid – di gereja dan melalui Zoom. Tiga bahasa; dijalankan secara berasingan ('bilik' berbeza). Bermula Khamis ini, 19 Feb.  
**Zoom Meeting ID: 880 9835 3961** **Passcode: 570597**
- Bacaan Alkitab & doa – gunakan jadual pembacaan Alkitab mingguan dan senarai doa sebagai panduan. Atau boleh menggunakan bahan yang disediakan oleh Diosis kita (rujuk pautan berkaitan).
- Berpuasa & berdoa – mendisiplinkan tubuh dan menghabiskan lebih banyak waktu dalam doa.
- Membaca buku atau mempelajari topik yang membantu dalam pemahaman dan pertumbuhan kehidupan Kristian kita.
- Memberi sedekah – sisihkan sebahagian wang untuk kebajikan dan amal.



#### 4. **YANG BARU TELAH DATANG - KHUTBAH BERDASARKAN INJIL YOHANES**

- Puasa: "Realiti Baru" – ajaran Yesus di Ruang Atas sebelum penangkapan dan penyaliban-Nya; Yohanes 13–17
- Minggu Suci & Paskah: "Kehidupan Baru" – peristiwa di taman; selebihnya dari Injil Yohanes

#### 5. **'PROJEK LABUR'**

Kami masih menantikan pengeluaran 'Sijil Kelayakan Menduduki' oleh majlis perbandaran, DBKK. Doakan agar kita memperoleh kemurahan Tuhan. Dana pembangunan saat ini berjumlah RM1.19 juta. Kita memerlukan RM1.20 juta. Terima kasih atas sokongan anda.

#### 6. **PELAYANAN LAINNYA**

- 19 Feb, Khamis – Persekutuan belia Cina akan dimulai Kembali.
- 26 Feb – Perjamuan Kudus di rumah.
- 28 Feb – Sambutan Tahun Baru Cina Evergreens.
- Setiap Ahad petang, permainan tersedia: *pickleball*, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan Bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Adrian Nungka & keluarga.

#### 7. **PUSAT JAGAAN HARIAN WARGA EMAS ARK**

KEKOSONGAN JAWATAN – Dua staf diperlukan untuk membantu di bahagian penjagaan harian atau 'day-care'. Jika berminat, sila hubungi Warden, Rev. Clarence Chin (hp: 014-383 5622).

#### 8. **TAKZIAH**

Ucapan takziah yang tulus ikhlas kepada :

- Keluarga Pn. Ku Fui Fong, 83 tahun; yang telah kembali ke pangkuan Tuhan pada Isnin lalu, 9 Feb. Beliau dahulu beribadah setiap Ahad di Kebaktian CH bersama keluarganya. Mohon doakan keluarganya.
- Keluarga Deciderius Tuah, 65 tahun; yang telah kembali ke pangkuan Tuhan pada Rabu lepas, 11 Feb. Anak lelakinya McKenzie dan menantunya, Racquel, beribadah di gereja kita. Mohon doakan keluarganya.
- Keluarga Rev. Chin Kah Jin, 89 tahun; yang telah meninggal dunia kelmarin, 14 Feb. Beliau telah melayani selama bertahun-tahun sebagai paderi sukarela (*non-stipendiary priest*) di Gereja Good Shepherd, Sandakan. Mohon doakan keluarganya.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



# 'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Feb 16	Kis 20	Mz 43	Jum, Feb 20	Kis 24	Mz 47
	Sel, Feb 17	Kis 21	Mz 44	Sab, Feb 21	Kis 25	Mz 48
	Rab, Feb 18	Kis 22	Mz 45	Ahad, Feb 22	Kis 26	Mz 49
	Kha, Feb 19	Kis 23	Mz 46			

## 'Kehidupan dan Cara Hidup yang Baru' - Yohanes 11

Untuk renungan & perbincangan:

- Ceritakan satu penyakit yang pernah anda alami sendiri atau lihat dialami oleh orang lain, yang tidak dapat anda lupakan.
- Baca Yohanes 11:1-6. Yesus memberitahu murid-murid-Nya bahawa penyakit Lazarus akan mendatangkan kemuliaan kepada Tuhan (ay. 4). Apa yang dapat kita pelajari tentang percaya kepada Allah saat kita tidak mengerti rencana-Nya?
- Apabila Yesus mendengar bahawa Lazarus sakit, Dia menunggu dua hari lagi sebelum pergi kepadanya (ay. 6). Mengapa menurut Anda Yesus menanggungkan-Nya? Bagaimanakah kita dapat mempercayai waktu Tuhan dalam kehidupan kita sendiri?
- Yesus berkata kepada Marta, "Akulah kebangkitan dan hidup. Barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun ia sudah mati." (ay. 25). Apa yang ayat ini ajarkan tentang kuasa Yesus atas kematian, dan bagaimana hal ini memberi kita pengharapan? ?
- 'Jika kita kehilangan harapan untuk hari esok, kita kehilangan makna untuk hari ini.' Apakah anda setuju? Mengapa; atau mengapa tidak? Baca 1 Korintus 15:58. Doakan seseorang yang memerlukan mesej pengharapan yang Yesus berikan.

### UNTUK DIDOAKAN

#### **Bandar KK yang Kita Kasih**

– Berdoa bagi mereka yang bekerja di DBKK dalam mengurus dan melayani seluruh bandar: keselamatan, kebersihan, bekalan utiliti, penyelenggaraan lampu dan jalan raya, perancangan bandar, dan sebagainya.

#### **Diosis yang Kita Kasih**

– Berdoa untuk ATI: pengetua, para tutor, staf, dan para pelajar — agar semua paderi, pastor, penginjil dan misionari dibangkitkan untuk menggembalakan umat Tuhan, di Sabah dan juga di luar Sabah.

#### **Diri kita sendiri**

– Berdoalah agar kita tetap berpegang pada pengharapan kekal di dalam Yesus dan menemukan makna hidup setiap hari; serta mampu menjangkau mereka yang kehilangan harapan dan hidup dalam keputusasaan.

– Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan secara khusus untuk Rev. George Chong, Ps. Sylvia Jeanes.